

03/04/2001

Pendekatan bersepadu perangi penyelewengan

Rokaid Chik

KOTA BHARU, Isnin - Kementerian Penerangan akan melaksanakan pendekatan bersepadu bagi memerangi dakwah dan penyelewengan fakta pihak tertentu dari dalam dan luar negara.

Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Mohd Khalid Yunus, berkata tanggungjawab awal akan dipikul agensi di bawah kementeriannya, khususnya Radio Televisyen Malaysia (RTM) dan Jabatan Penerangan setiap negeri.

Beliau berkata, terdapat golongan tertentu menabur pelbagai dakwah dengan memberi gambaran salah mengenai usaha kerajaan membantu rakyat.

"Akhbar dan majalah luar negeri turut memainkan peranan negatif dengan melaporkan berita tidak berasas serta bukan berdasarkan fakta betul.

"Kita akan berusaha membanteras perkara ini kerana bimbang ia boleh menggugat keamanan dan perpaduan rakyat yang sekian lama terjalin," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Hari Terbuka Radio Malaysia Kelantan (RMK) di sini, petang semalam.

Khalid berkata, antara usaha awal ialah memanjangkan waktu Berita Perdana daripada 45 minit kepada satu jam bagi memberikan penjelasan berhubung perkembangan semasa.

Beliau berkata, pihaknya juga akan berunding dengan penerbit serta syarikat penerbitan supaya menonjolkan nilai yang boleh menjurus ke arah perpaduan rakyat dalam pembikinan program dan rancangan televisyen seperti drama.

"Ada juga rancangan baru syarikat pembekal drama swasta yang berbentuk dokumentari menonjolkan pelbagai kegiatan masyarakat yang menitikberatkan kerjasama.

"Kita juga sedang melaksanakan program televisyen mengenai kisah sejarah yang boleh menjadi contoh dan teladan rakyat pelbagai kaum," katanya.

Selain itu, beliau berkata, pihaknya sedang menggerakkan semula program K3P (Kumpulan Penonton, Pendengar dan Pembaca) di seluruh negara bagi mencapai matlamat pembabitian semua kaum ke arah memantapkan perpaduan rakyat.

Katanya, K3P demensi baru pemimpin bersama rakyat bertemakan 'Rakyat Padu Negara Maju' sudah dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Kampung Sungai Mulia, baru-baru ini.

Menurutnya, menerusi program itu, pemimpin dapat berjumpa rakyat pelbagai kaum melalui perhimpunan raksasa yang turut menonjolkan kejayaan negara dan rakyat yang dicapai hasil perpaduan.

"Cara ini dapat memberi maklumat betul kepada rakyat supaya tidak terpengaruh dengan cerita dan maklumat tidak betul pihak yang cuba menjejaskan perpaduan," katanya.

(END)